

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Melaka adalah negeri yang terletak di Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor Baharu. Melaka merupakan salah sebuah negeri yang pernah melaksanakan sistem kesultanan Melayu terawal di Nusantara pada abad ke 14-15M. Kedudukannya yang bersebelahan dengan Selat Melaka dan terlindung daripada angin monsun menjadikan negeri ini sebuah pelabuhan pesat yang lengkap dengan fasiliti dan kemudahan kepada pedagang yang bertandang. Kondisi geografi ini menjadikan Melaka bukan hanya dikenali sebagai kuasa yang ulung pada zamannya, bahkan ia juga tersohor melalui urusan perdagangan yang membabitkan para pedagang dari Arab, Cambaya, Chaul, Dabul, Calicut, Aden, Mekah, Juda Coramandel, Benggal, China, Jawa dan Pegu.<sup>1</sup>

Hal ini terbukti apabila rekod sejarah menyatakan sewaktu urusan perdagangan di Melaka berada di puncak kegemilangannya, terdapat sebanyak 84 jenis bahasa yang diguna pakai oleh pedagang yang berdagang di negeri itu, sekaligus memberikan ekspresi kedatangan bangsa-bangsa yang pelbagai dari seluruh dunia.<sup>2</sup> Populasi kedatangan dan migrasi kelompok pedagang ini dapat dilihat melalui tiga bangsa utama iaitu bangsa Arab, India dan China. Oleh demikian, Melaka menjadi sebuah lokasi yang kaya dengan aspek kebudayaan asing hasil daripada pertembungan tradisi dan percampuran budaya merangkumi tamadun Barat, Islam, Melayu, India dan China.

---

<sup>1</sup>M.J. Pintado (pnyt.) *Portugese Documents on Mallaca* Vol. 1 (1510-1511), (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 1993), 119.

<sup>2</sup>*Ibid.*, 269.

Pembangunan masjid di Melaka telah wujud sejak awal kurun ke-14 lagi iaitu sebelum Melaka dibuka secara rasminya pada tahun 1403M.<sup>3</sup> Perkembangan masjid dilihat berlaku seiring dengan perkembangan Islam di Melaka kerana fungsi masjid pada waktu itu yang berperanan sebagai pusat penyebaran Islam. Sebaik sahaja Melaka rasmi sebagai sebuah negara Islam, pemerintah Melaka telah mendirikan sebuah masjid berhampiran dengan kawasan istana bagi memudahkan rakyat untuk bertemu dengan raja sewaktu menunaikan solat.<sup>4</sup> Masjid yang terletak di atas bukit ini berada di bahagian selatan bandar negeri Melaka berhampiran dengan istana sultan dan merupakan masjid rasmi pada waktu tersebut. Kebanyakan mereka yang menetap di kawasan yang berhampiran dengan masjid ini terdiri daripada golongan yang berkelas tinggi.<sup>5</sup>

Selain daripada kawasan istana kawasan lain juga turut didirikan masjid termasuklah kawasan yang didiami masyarakat Islam yang menetap di sepanjang pantai Melaka. Tujuan pembangunan masjid ini adalah untuk kegunaan penduduk tempatan bagi melaksanakan tuntutan ukhrawi. Selain daripada itu masjid yang didirikan ini bukan sahaja menjadi tumpuan ibadat masyarakat tempatan bahkan turut menjadi persinggahan saudagar dan pedagang Islam yang datang berdagang di Melaka.<sup>6</sup> Atas dasar kepercayaan yang tinggi dan menebal pemerintah menyediakan para pedagang dan ahli agama ini rumah dan juga masjid untuk mereka menginap dan melaksanakan ibadat.<sup>7</sup> Pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini sangat dititik beratkan oleh masyarakat setempat dengan bantuan ahli sufi dan ahli agama yang datang dari

---

<sup>3</sup>Laporan Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM)

<sup>4</sup>M.J. Pintado (pnyt.) *Portugese Documents on Mallaca* Vol. 1 (1510-1511), (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 1993), 3.

<sup>5</sup>*Ibid.*, 85. Lihat juga Hoyt, Sarnia Hayes, *Old Mallaca*, (Oxford University Press: London, 1996), 15.

<sup>6</sup>Ab. Rashid b. Budin, "Sejarah Masjid-masjid dan Madrasah-madrasah di Melaka: Peranannya kepada Masyarakat Melayu Sebelum 1957" (tesis sarjana, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 1978), 12.

<sup>7</sup>Bruce Allan, "Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 69 Part 2 no. 271, (1996), 75.

Nusantara dan Timur Tengah.<sup>8</sup> Sehubungan itu, masjid dilihat sebagai satu institusi yang amat penting dalam proses perkembangan pendidikan dan penyebaran Islam di Melaka pada waktu itu.

Pada peringkat awal pembangunan masjid di Melaka tidak terdapat sebarang kaedah serta garis panduan pelan yang sistematik. Kebiasaannya masjid dibina mengikut reka bentuk bangunan rumah-rumah pembesar Melayu sekitar waktu itu. Pembangunan masjid dengan identiti Nusantara ini berlaku melalui hubungan awal antara Cina dan Melaka di bawah naungan Parameswara membentuk pertukaran budaya apabila kunjungan pertama Parameswara ke China dibalas dengan hadiah melalui kurniaan tukang-tukang Cina yang mahir dalam bidang pertukangan. Sehubungan itu, pembinaan masjid di Melaka dibangunkan dengan bantuan tukang-tukang Melayu dan tukang dari China, maka hasilnya terbentuklah bangunan masjid yang memiliki ciri tersendiri yang dikenali sebagai “Melakan style,”<sup>9</sup> terutamanya dalam bentuk bumbung meru.<sup>10</sup> Menurut Tom Pires pada abad ke-15M masjid “Melakan style” ini menjadi masjid yang terkenal di seluruh dunia sebelum dimusnahkan oleh Portugis pada 1511M.<sup>11</sup>

Sewaktu pelayaran Cheng Ho pada tahun 1405M-1433M ke Melaka juga, beliau turut memperkenalkan beberapa bahan binaan untuk digunakan bagi tujuan pembangunan masjid dan istana sultan. Kesan dan pengaruh reka bentuk dari China ini boleh dilihat secara meluas lagi apabila berlakunya perkahwinan di antara Sultan Muzaffar Syah dan Puteri Hang Li Po. Hasil daripada perkahwinan ini seramai lima ratus orang termasuk para dayang dan orang suruhan telah berhijrah bersama-sama puteri tersebut dan menetap di kawasan yang disebut Bukit China. Penghijrahan secara

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>9</sup>Melakan style adalah masjid yang berbumbung meru atau bumbung yang mempunyai tiga hingga lima lapisan. Masjid jenis ini juga mempunyai komponen khusus yang menampilkan kelainan yang tidak ada pada masjid lain. Antaranya ialah mahkota atap, sulur bayur dan bumbung piramid

<sup>10</sup>Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Pustaka Antara: Kuala Lumpur, 1980), 447.

<sup>11</sup>Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tom Pires*, (London: Haklyut Society, 1944), 248.

besar-besaran ini membawa bersama mereka budaya dan reka bentuk seni bina mereka yang tersendiri bagi dipraktikkan di negeri Melaka. Keseniaan dan kebudayaan yang dibawa oleh bangsa Cina ini menjadi lebih unik dan istimewa apabila sebahagian daripada mereka telah membawa elemen-elemen keseniaan dari negara China untuk dipadukan di dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam di Melaka, antaranya adalah dalam binaan masjid. Kehancuran Melaka oleh Portugis pada tahun 1511M telah menyebabkan kesemua masjid termasuklah masjid yang berada berhampiran dengan istana sultan telah dimusnahkan. Akibatnya warisan seni bina masjid ini telah musnah dan hilang terus di Melaka. Dalam tempoh tersebut tidak terdapat satu pun masjid dibina di Melaka sehinggalah Belanda merampas Melaka daripada Portugis. (1641M-1824M)

Ketika Melaka berada di bawah pentadbiran Belanda masjid-masjid dibangunkan atas arahan pemerintah yang mahu mengalih perhatian masyarakat Melayu daripada menentang Belanda selain ingin mengambil hati penduduk tempatan yang beragama Islam. Kajian mendapati masjid-masjid yang dibangunkan pada waktu itu mempunyai ciri-ciri inovasi yang menarik dengan bantuan pertukangan dari China yang mahir dalam pembinaan rumah, bangunan dan mengukir bangunan. Kelebihan pertukangan ini telah membantu proses pembinaan sehingga membangunkannya masjid-masjid di Melaka dengan identitinya yang tersendiri melalui elemen campuran Cina-Islam dengan motif-motif flora, fauna, kosmos, fenomena dan geometri sebagai ornamen di dalam masjid.

Tukang-tukang Cina dari Betawi (Jakarta) dijemput bagi membantu proses pembangunan di Melaka dan usaha tersebut telah menyebabkan banyak masjid termasuklah rumah ibadat bukan Islam dibina di negeri berkenaan.<sup>12</sup> Kehadiran bangsa

---

<sup>12</sup>Victor Purcell, "Chinese Settlement in Malacca," *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XX Part 1, (1947), 139.

Cina diraikan oleh para penjajah Belanda berdasarkan sifat bangsa ini yang rajin dan menunjukkan sikap yang kompetitif dalam perdagangan. Lanjutan dari hal ini, Belanda secara tidak langsung membuka suatu polisi sosial yang baik kepada bangsa Cina kerana beranggapan bahawa bangsa ini mampu membantu pemerintah Belanda untuk memajukan sektor ekonomi di negeri tersebut.

Hasil daripada sikap keterbukaan penjajah Belanda ini telah menjadikan bangsa Cina yang hadir ke Melaka telah terlibat secara tidak langsung dalam pembentukan kebudayaan, ekonomi dan sosial di Melaka. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengaruh kesenian yang dibawa oleh bangsa Cina melalui proses import dan eksport barangan tembikar, seramik-seramik, perabot-perabot antik, mozek sebagai bahan binaan dan kesenian kaligrafi. Antara buktinya ialah melalui penemuan serpihan seramik yang dibawa masuk ke Melaka sewaktu pentadbiran Dinasti Ming dan Dinasti Qing pada tahun (1364M-1911M).

Selain itu, masyarakat Cina yang membantu proses pembinaan masjid-masjid ini turut memperkenalkan beberapa bentuk motif dan ornamentasi yang mempunyai kaitan rapat dengan budaya dan kehidupan mereka. Penghasilan motif dan ornamentasi Cina yang unik dan menarik ini dikatakan hasil air tangan orang Cina sendiri berdasarkan kepada keunikan makna dan ukiran tersebut. Terdapat tiga buah masjid iaitu Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkeru dan Masjid Kampung Hulu mempunyai motif dan ornamentasi Cina dalam jumlah besar yang boleh dilihat pada bahagian dalam dan luar masjid.<sup>13</sup>

Berdasarkan proses perkembangan dan jatuh bangun hasil seni bina di antara bangsa Cina dan masyarakat Melayu Melaka bermula awal abad ke-15M sehingga abad ke-18M, telah mendorong penulis untuk meneliti tentang proses asimilasi budaya seni

---

<sup>13</sup>Hugh O'Neill, "The role of Calligraphy" dlm The Mosque, ed. Martin Frishman dan Hasan-Uddin Khan, London: Thames & Hudson, 1994), 238.

yang diterapkan dari negara China ke dalam masjid-masjid di Melaka dan jenis-jenis motif yang diaplikasikan dalam membuktikan hubungan kesenian di antara sampel kajian yang terlibat. Pembangunan masjid-masjid di Melaka yang dibangunkan pada awal abad ke-18M dengan keizinan pemerintah Belanda adalah merupakan hasil tangan masyarakat Cina yang diarahkan bagi membantu proses pembangunan masjid. Berdasarkan kepada keunikan reka bentuk masjid yang mempunyai unsur kecinaan bahkan keunikan motif dan ornamentasi Cina yang berperanan sebagai hiasan serta kaya dengan maksud falsafah yang tinggi tidak menggambarkannya sebagai hasil kerja masyarakat tempatan.

Sehubungan itu, penulis menjadikan isu ini sebagai topik kajian untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di dalam masjid kajian. Dalam kajian ini penulis menggunakan kerangka konsep dengan pembentukan hipotesis sebagai asas dalam kajian ini untuk mendapatkan jawapan kepada setiap penggunaan motif yang terdapat di tiga masjid ini.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pelabuhan Melaka merupakan lokasi tumpuan pedagang dari seluruh dunia kerana kedudukan pelabuhan ini yang strategik dan terlindung daripada angin monsun. Pedagang dari seluruh dunia biasanya akan singgah di pelabuhan Melaka bagi urusan perdagangan sementara menanti perubahan cuaca yang lebih baik. Kelebihan pelabuhan ini mendapat perhatian Maharaja China dan menyuarakan hasrat untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Melaka. Hubungan yang terjalin di antara kedua belah pihak ini telah memberikan kesan positif dalam mengukuhkan kedudukan dan kuasa Sultan Melaka dan Maharaja China. Hubungan mesra ini telah memberikan keistimewaan kepada pedagang Cina dan masyarakat Cina yang datang ke negeri itu. Kehadiran mereka ke Melaka turut memberi sumbangan daripada aspek pembangunan

ekonomi dan pertanian negeri ini.<sup>14</sup> Selain daripada faktor perdagangan kedatangan masyarakat Cina boleh dilihat melalui beberapa faktor lain seperti perkahwinan di antara orang Cina dengan masyarakat setempat dan urusan perniagaan yang dijalankan di Melaka. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor kehadiran masyarakat Cina ke Melaka secara lebih terperinci sehingga menyebabkan berlakunya asimilasi budaya yang memberikan keuntungan kepada kerajaan China dan Kesultanan Melayu Melaka.

Masjid tradisional yang terdapat di Melaka merupakan masjid yang terawal dibangunkan mengikut gaya dan reka bentuk berbumbung meru. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh tentang aspek seni bina masjid yang terdapat di Melaka seperti kajian Abdul Halim Nasir<sup>15</sup> dan Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi<sup>16</sup> yang mendokumentasikan kesemua masjid tertua yang terdapat di Melaka merangkumi latar belakang sejarah dan aspek seni binanya seperti hasil kajian Abdul Halim Nasir iaitu *Mosque Architecture in the Malay World, Mosque of Peninsular Malaysia* dan tulisan Mohamad Tajudin Rasdi iaitu *The Architectural Heritage of the Malay World: The Traditional Mosque*. Melaka adalah negeri pertama yang menerima reka bentuk dan seni bina dari China. Hal ini berlaku berikutan kehadiran masyarakat Cina ke Melaka dengan membawa bersama beberapa perkara yang melibatkan tatacara kehidupan, budaya dan seni bina asli dari China. Keunikan seni bina ini telah diperkenalkan di Melaka khususnya di dalam masjid dan impaknya boleh didapati pada komponen utama masjid berbumbung meru. Sehubungan itu, kajian ini membincangkan berkenaan

---

<sup>14</sup>Nordin Hussin, "Social life in Two Colonial Port-town, Dutch Melaka and English-Penang 1780-1830" (makalah, International Conference on the Penang Story, International Conference, 19-21 April 2002), 17.

<sup>15</sup>Merupakan seorang penulis aktif untuk Muzium Negara dan pengkaji tentang seni bina Islam di Malaysia. Beliau bukan seorang yang mempunyai latar belakang dalam bidang seni bina tetapi telah merekodkan hampir kesemua masjid yang terdapat di dunia.

<sup>16</sup>Merupakan pensyarah di Jabatan Seni Bina, Universiti Teknologi Mara (UTM), mempunyai kepakaran dalam seni bina Islam, warisan Islam dan seni bina tradisional Melayu.

sumbangan masyarakat Cina dalam membangunkan masjid di Melaka sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga penjajah Belanda mengambil alih Melaka.

Masjid yang menjadi topik kajian ini mempunyai keunikan seni ukirannya yang tersendiri. Hal ini berikutan daripada kemasukan pengaruh asing dalam proses pembangunan masjid. Secara keseluruhan, ketiga buah masjid ini menerima pengaruh seni ukiran dan hiasan dari Belanda, Eropah, Inggeris dan China.<sup>17</sup> Penulis memilih untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat pada binaan masjid kajian dan mendokumentasikan kesemua motif yang mempunyai unsur Cina ini memandangkan tidak terdapat kajian khusus yang merekodkan kesemua motif dan ornamentasi Cina di dalam masjid. Sehubungan itu, penulis melihat isu ini sebagai satu permasalahan yang perlu dilihat secara mendalam dan dikaji secara ilmiah bagi memelihara nilai warisan sejarah sesuai dengan kedudukan Melaka yang diiktiraf sebagai tapak warisan sejarah dunia oleh The United National Organization for Education Science and Culture (UNESCO).

Setiap daripada motif dan ornamentasi Cina ini berkembang hasil daripada fahaman terhadap falsafah dan budaya China. Setiap daripada motif yang dijadikan ukiran dan hiasan di dalam bangunan mempunyai manifestasinya yang tersendiri dan bukan sekadar hiasan untuk mencantikan sebuah bangunan.<sup>18</sup> Selain itu, penulis mendapati terdapat beberapa motif yang berunsurkan haiwan dan kosmos berada di dalam masjid yang mana haiwan adalah haram dijadikan hiasan terutamanya di dalam masjid manakala kosmos pula adalah simbol yang sering dikaitkan dengan unsur Buddha. Oleh itu, isu ini dilihat sebagai satu permasalahan yang perlu ditekankan bagi menilai sejauh mana keberadaan motif dan ornamentasi Cina ini di dalam masjid kajian.

---

<sup>17</sup>Ezrin Arbi, "Pengaruh Senibina Asing di Malaysia" (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 1-3.

<sup>18</sup>So-Mui Ma, In Search of Cultural identity: *Roof decoration on Vernacular Architecture in Hong Kong*, (Hong Kong: Institute of Education, t.t), 6.



### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, beberapa persoalan kajian yang ditimbulkan, adalah:

- i. Apakah bentuk motif dan ornamentasi menurut pemikiran masyarakat Cina?
- ii. Apakah ciri-ciri motif dan ornamentasi Cina yang terdapat pada komponen masjid kajian?
- iii. Apakah bentuk motif dan ornamentasi Cina yang terdapat pada masjid kajian?
- iv. Apakah maksud di sebalik motif dan ornamentasi yang terdapat di masjid kajian?

### **1.4 Objektif Kajian**

Penulis telah menggariskan beberapa objektif sebagai landasan kajian ini:

- i. Mengenalpasti bentuk motif dan ornamentasi menurut pemikiran masyarakat Cina.
- ii. Mengklasifikasikan ciri-ciri motif dan ornamentasi Cina mengikut kategori motif pada komponen masjid kajian.
- iii. Menganalisis bentuk motif dan ornamentasi Cina yang terdapat dalam binaan masjid kajian.
- iv. Menilai maksud di sebalik motif dan ornamentasi Cina yang terdapat dalam binaan masjid kajian.

## 1.5 Hipotesis Kajian

Penulis berpandangan bahawa tukang Cina merupakan individu yang terlibat dalam proses pembangunan masjid yang terdapat di bandar Melaka Tengah terutamanya Masjid Kampung Keling, Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengker. Walaupun asas perkembangan masjid ini bermula dengan usaha orang Melayu tetapi hasil ukiran tangan yang halus dan kedudukan motif yang berada di lokasi yang sesuai membuktikan kepakaran tukang asing. Setiap motif yang diaplikasikan dalam bentuk ukiran ini juga mengandungi makna tertentu dan dianggap sebagai suatu matlamat yang perlu dicapai oleh orang Cina dalam kehidupan mereka.

## 1.6 Definisi Tajuk

Definisi bermaksud kenyataan yang ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa atau takrif.<sup>19</sup> Definisi tajuk ini akan menjelaskan istilah-istilah tajuk tesis. Menurut Kamus Dewan **motif** membawa erti sesuatu yang menjadi dasar dan corak pada lukisan, ukiran dan lain-lain.<sup>20</sup> Motif juga didefinisikan sebagai corak atau lukisan dalam penghasilan suatu karya seni dan menjadi objek yang membentuk elemen yang paling asas di dalam rekaan hiasan.<sup>21</sup> Dalam penyelidikan ini penulis menggunakan perkataan motif sebagai asas untuk menggambarkan dan menyampaikan setiap satu jenis hiasan yang terdapat di tiga buah masjid kajian ini. Istilah motif ini lebih mendalam maksudnya dalam proses untuk menyampaikan secara lebih jelas dan teliti berkenaan suatu penggunaan corak sebagai hiasan. Dalam kajian ini, terdapat enam jenis ornamen atau hiasan dan setiap daripada ornamen tersebut terdapat pecahan bagi setiap jenis kategori motif iaitu bunga dengan tujuh jenis motif bunga yang digunakan dalam perhiasan, haiwan dengan bilangan enam jenis motif,

---

<sup>19</sup>Mohd Majid Konteng, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 86.

<sup>20</sup>Kamus Dewan, ed. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011), 1044.

<sup>21</sup>Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, *Kesenian Melayu*, (Akademi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur, 2002), 96.

buah dengan bilangan empat jenis motif, fenomena dengan empat bilangan motif, geometri dengan jumlah lima motif dan kosmos dengan lapan motif.

**Ornamen** membawa erti sesuatu yang menghiasi atau perhiasan seperti lukisan atau lain-lain.<sup>22</sup> Ornamen merupakan dekorasi yang digunakan untuk memperindahkannya sebuah bangunan atau objek di dalam bangunan tersebut.<sup>23</sup> Dalam kajian ini ornamen yang dimaksudkan adalah elemen-elemen hiasan yang digunakan bagi mencantikan ruang dalam atau bahagian luar masjid. Terdapat enam jenis ornamen utama yang menjadi hiasan di tiga masjid kajian iaitu bunga, haiwan, kosmos, buah, geometri dan fenomena.

Seni bina Islam adalah merupakan sebahagian daripada kebudayaan Islam yang mana manusia membinanya dengan tujuan untuk memenuhi kehendak manusia yang merangkumi aspek rohani dan jasmani. Oleh itu, seni bina Islam berperanan sebagai bangunan-bangunan yang didirikan bagi menampung aktiviti manusia untuk mencapai keimanan kepada Allah s.w.t.<sup>24</sup> Masjid berasal daripada perkataan “sajd” yang membawa erti tempat bersujud. Sujud memberi erti meletakkan dahi di atas lantai dengan penuh kerendahan menghadap Allah s.w.t.<sup>25</sup> Perkataan *mosque* diperolehi daripada perkataan Perancis iaitu *mosque’e* manakala *mezquita* daripada perkataan Sepanyol dan kedua-dua perkataan ini adalah hasil terjemahan daripada kalimah masjid.<sup>26</sup> Menurut Gazalba perkataan *masjid* berasal daripada kata akar *sajd* yang membawa erti sujud.<sup>27</sup> Melalui ayat 15 surah as-Sajdah jelas menyatakan tentang hamba beriman yang takut apabila dibacakan ayat-ayat al-Quran dan mereka itu *bersujud*, bertasbih dan memuji

---

<sup>22</sup>*Ibid.*, 1104.

<sup>23</sup>Jessica Rawson, *Chinese Ornament: The Lotus and the Dragon*, (British Museum Publications Limited: London, 1984), 19.

<sup>24</sup>Abdul Rochym, *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan*, (Bandung: Angkasa Bandung, 1983), 1.

<sup>25</sup>Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy, 1996), 639. Lihat juga Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Peranan Kukirikulum Dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*, (Skudai: Universiti Teknologi Mara, 1999), 4.

<sup>26</sup>Abd Rahman Hamzah, *Islamic Inscriptions in Mosque: the Forms and Meanings*, (UTM Press: Skudai, 2011), 11.

<sup>27</sup>Sidi Gazalba, *Masjid: Pusat Ibadah Dan Kebudayaan Islam*, (Jakarta: Pustaka Antara, 1975), 108.

Allah dan tidak menyombongkan diri.<sup>28</sup> Perbuatan sujud adalah merupakan suatu aktiviti penting ketika menyembah Allah s.w.t.<sup>29</sup>

Jika dirujuk pada *Dictionary of Architecture*, masjid merupakan sebuah ruang yang bersegi empat terbuka, tempat suci bagi umat Islam dan menghadap ke arah kiblat. Dahulunya adalah rumah baginda Rasulullah.<sup>30</sup> Merujuk kepada *Kamus Dewan* edisi keempat masjid membawa maksud bangunan khas tempat umat Islam melakukan ibadat solat jumaat dan solat-solat yang lain.<sup>31</sup> Merujuk kepada *Macmillan English Dictionary*<sup>32</sup> dan *Oxford Advance Learner's Dictionary*,<sup>33</sup> perkataan masjid di rujuk sebagai sebuah bangunan, *a building in which muslim worship*. Terdapat juga hadis nabi yang menyifatkan bahawa seluruh bumi itu adalah tempat untuk umat Islam bersolat, maka tidak terdapat tempat yang khusus dan setiap tempat di bumi ini yang bersih dianggap sebagai masjid.<sup>34</sup> Dalam kajian ini, penulis memberi fokus kepada masjid tradisi yang terdapat di negeri Melaka yang telah berusia hampir 300 tahun. Masjid-masjid ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan berbeza daripada masjid-masjid yang dibangunkan pada abad ke-19 dan 20. Masjid terpilih ini memperlihatkan keunikan daripada bentuk bumbung masjid, ruang solat dan beberapa komponen tambahan yang menarik.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus tentang pengaruh motif dan ornamentasi Cina sebagai jangkakan hasil dapatan utama. Kecenderungan pemilihan terhadap kajian ini dilakukan memandangkan ciri-ciri motif terutamanya adalah merupakan bukti keseniaan budaya Cina yang tidak terdapat dalam seni budaya masyarakat Melayu menjadikan isu ini

---

<sup>28</sup>Kamus Dewan, ed. Ke-4., 829.

<sup>29</sup>Mohamad Tajudin Rasdi, *The Architectural Heritage of the Malay World*, (Skudai: UTM, 2000), 3.

<sup>30</sup>*Dictinory of Architecture*, Fourth Edition, (England: Penguin Books, 1991), 303-303.

<sup>31</sup>Kamus Dewan, ed. Ke-4., 1002.

<sup>32</sup>*Macmilan English Dictionary*, (London Bloombury Publishing Plc. 2006), 924.

<sup>33</sup>*Oxford Advance Learner's Dictionary*, (Oxford: Oxford University Press, 2006), 955.

<sup>34</sup>Mastor Surat, "Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara" (tesis sarjana, UKM: Bangi, 2008), 14.

sebagai tunggak utama dalam kajian. Kajian ini juga tidak menyentuh berkenaan struktur seni bina bangunan tetapi hanya melihat motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di dalam dan luar masjid.

Masjid adalah masalah pokok kajian, walau bagaimanapun hanya tiga buah masjid tertua di Melaka sahaja yang akan menjadi sampel kajian iaitu Masjid Kampung Keling (1748M), Masjid Kampung Hulu (1728M) dan Masjid Tengkeri (1728M). Faktor pemilihan masjid-masjid ini dilakukan adalah berdasarkan hampir 88 motif dan ornamentasi yang terdapat di dalam masjid adalah motif yang berasaskan budaya China.<sup>35</sup> Hiasan-hiasan tersebut merangkumi budaya dan pegangan asas masyarakat Cina. Tumpuan kajian akan diberikan kepada keseluruhan lokasi dan komponen masjid yang mempunyai motif Cina.

Batasan tempoh kajian antara tahun 1728M-1748M, periodisasi ini diambil berdasarkan kepada tahun penubuhan masjid ini yang dibangunkan pada tempoh 1728M (Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengkeri) dan 1748M (Masjid Kampung Keling). Selain itu, tempoh kajian ini diambil berdasarkan kepada galakkan yang diberikan oleh Belanda kepada bangsa Cina dari Tanah Besar Cina untuk hadir ke Melaka untuk proses pembangunan di Melaka.

## **1.8 Limitasi Kajian**

Dalam kajian ini penulis tidak menemui tukang yang terlibat secara khusus dalam proses pembinaan masjid kajian disebabkan kekurangan maklumat daripada aspek sejarah. Penulis menjangkakan bahawa kehadiran masyarakat Cina ke Melaka untuk membina masjid adalah atas arahan yang dikeluarkan Belanda dan mereka diberi tugas dengan bayaran upah. Ini bermakna mereka hadir ke negeri tersebut atas urusan

---

<sup>35</sup>Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Nik Hassan Shuhaimi, "Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 Di Melaka" (makalah, World Congress For Islamic History And Civilization, Peringkat Antarabangsa, 10-11 Oktober 2011), 80.

perniagaan tanpa ada sebarang kepentingan untuk mendapat pengiktirafan rasmi daripada mana-mana pihak. Oleh itu, pada peringkat ini, nama dilihat sebagai sesuatu yang tidak penting dalam proses berdirinya sebuah bangunan tetapi monumen yang dihasilkan adalah nilai yang tinggi dalam menonjolkan kehebatan sebuah pentadbiran.

Dalam kajian ini juga penulis hanya memfokuskan kepada komponen yang boleh dicapai dan diambil imejnya. Komponen-komponen yang berada ditempat yang tinggi, sukar didekati dan dicapai juga diambil gambar tetapi dengan jarak yang hanya mampu dilakukan penulis. Contoh komponen yang dimaksudkan ialah mahkota atap masjid dan motif hiasan yang terdapat di bahagian bumbung masjid kajian. Terdapat juga beberapa imej yang jelas kelihatan bentuk dan ukirannya secara visual tetapi apabila penulis merakam imej tersebut, gambarnya tidak begitu kelihatan walaupun penulis menggunakan model kamera yang baik. Tetapi untuk mengatasi masalah ini, penulis turut menyediakan ilustrasi motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di tiga buah masjid kajian di bahagian lampiran.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini merupakan satu perkongsian ilmu kepada para ilmuan dan pengkaji luar mengenai kepentingan sumbangan kelompok masyarakat Cina yang terlibat dalam perkembangan budaya, ekonomi dan sosial di negeri tersebut terutamanya sumbangan terhadap perkembangan seni motif dan ornamentasi masjid di Melaka. Kajian ini memberikan maklumat baru dan pendedahan kepada ahli akademik atau penuntut dalam jurusan kesenian berkenaan simbolik di sebalik motif dan ornamentasi Cina dan sebab-sebab yang mendorong motif ini digabungkan sehingga menghasilkan maksud yang unik dalam setiap satu ukiran yang terdapat di dalam masjid kajian. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan maklumat berkenaan persamaan di antara motif Cina dan Islam serta penggunaannya di dalam masjid.

Penulis juga berpendapat, segala bentuk motif yang terdapat di dalam tiga buah masjid ini wajar didokumentasikan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat tambahan dan pengetahuan khusus untuk generasi akan datang. Selain itu, bagi mengelakkan warisan ini hilang motif-motif ini perlu direkod dan dikupas isunya agar menjadi lebih berilmiah dan akademik. Dokumentasi adalah proses yang penting dan memberikan manfaat besar dalam bidang kajian sejarah dan seni bina tetapi juga penting bagi pembangunan serta pembentukan kebudayaan dan peradaban suatu bangsa itu. Tanpa dokumentasi warisan negara tidak akan mempunyai data yang lengkap dan latar belakang suatu peristiwa itu tidak mempunyai rekod sejarah dan asal usul sebuah kejadian itu berlaku.

Walaupun masjid-masjid ini berada di bawah jagaan Jabatan Warisan Negara dan menerima peruntukan untuk membaik pulih sebarang kerosakan di dalam masjid, tinggalan sejarah ini tetap perlu direkodkan bagi mengelakkan kehilangan warisan bernilai ini akibat daripada bencana alam, terhapus akibat di makan usia atau dibuang disebabkan ketidak fahaman masyarakat setempat terhadap nilai warisan yang berharga seperti yang berlaku pada mahkota atap Masjid Serkam berusia ratusan tahun yang dibuang dan digantikan dengan kubah bawang.<sup>36</sup> Selain itu, bahagian dinding pada ruang solat Masjid Kampung Keling suatu ketika dahulu pernah dihiasi dengan jubin dan seramik dari China tetapi telah dibuang dan dicat seperti biasa.<sup>37</sup> Ruang solat adalah bahagian yang paling kerap mengalami renovasi untuk proses pembesaran ruang lanjutan daripada itu banyak warisan yang terpaksa dibuang.<sup>38</sup> Sehubungan itu, kajian ini dapat menjadi panduan kepada generasi akan datang berkenaan tinggalan dan

---

<sup>36</sup>Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Pegawai Muzium Kesenian Islam) dalam temubual dengan penulis, 12 Februari 2013

<sup>37</sup>*Ibid.*

<sup>38</sup>Abdul Rahman Hadi (Pegawai Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) dalam temubual dengan penulis, 10 Januari 2012

asimilasi budaya asing di tiga masjid kajian ini sekiranya tinggalan yang ada pada hari ini hilang pada masa hadapan.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada pihak berwajib yang diamanahkan untuk menjaga warisan sejarah seni bina masjid yang berusia ratusan tahun ini supaya memahami dengan lebih mendalam berkenaan motif dan ornamentasi yang diaplikasikan pada masjid. Kefahaman dan penghayatan yang baik daripada pihak ini dapat menjamin pemuliharaan motif dan ornamentasi Cina dan motif-motif yang berlatarbelakangkan budaya lain yang terdapat di masjid ini daripada dihapuskan.

Dengan adanya rekod kajian ini, diharap dapat menjadi khazanah yang boleh diwarisi jika suatu masa nanti motif-motif ini tidak dapat lagi dipertahankan. Ia bertujuan memastikan khazanah warisan ini dapat dirujuk oleh pengkaji dan generasi selanjutnya. Setiap motif yang direkodkan ini juga boleh dipertimbangkan penggunaannya pada masjid yang dibangunkan pada masa akan datang.

### **1.10 Kajian Literatur**

Penulis telah membuat penelitian terhadap beberapa bahan rujukan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian antaranya buku, makalah, tesis dan disertasi yang memuatkan hasil-hasil kajian lepas. Penulis telah membahagikan kajian ini kepada beberapa tema utama. Bahagian-bahagian tersebut mempunyai kaitan rapat dengan sejarah perkembangan masyarakat Cina di Melaka, motif dan ornamentasi China dalam binaan masjid lama di Semenanjung Malaysia. Penulis telah membahagikan rujukan berikut kepada beberapa tema utama iaitu tema sejarah, tema masjid dan tema motif dan ornamentasi.

#### **Tema Sejarah**

Karya-karya berkenaan sejarah merupakan rujukan utama kepada penulis untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkembangan sistem perdagangan di Melaka



kerana kehebatan pelabuhan Melaka ini berjaya menjemput ramai pedagang asing dari seluruh dunia untuk turun berdagang di negeri itu. Karya utama yang menjadi rujukan penulis iaitu **Notes on the Malay Archipelago and Mallaca Compiled from Chinese Sources** karya **W. P. Groeneveldt (1876)**. Beliau telah menterjemah catatan-catatan perjalanan pelayar Cina antaranya catatan Ma Huan bertajuk *Ying Yai Sheng Lan* (1416M), Catatan Fei Hsin bertajuk *Hsing ch'a Sheng lan* (1436M), catatan *Hai Yu* oleh Hwang Chung iaitu kisah berkenaan laut dan pelaut yang pernah mengunjungi Siam dan Melaka (1537M) sewaktu pelayar-pelayar ini merantau ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-15M. Beberapa penemuan fakta utama yang dijumpai adalah catatan mengenai pemerintahan Dinasti Ming dan Dinasti Tang termasuklah laporan rasmi berkenaan raja di alam Melayu yang datang berniaga ke China. Rekod ini membantu penulis untuk memahami dan mengetahui tentang keadaan kerajaan Melaka serta kedatangan masyarakat Cina ke Melaka atas faktor perdagangan.

Kajian beliau ini bukan sahaja menyentuh tentang keadaan kerajaan Melaka sekitar abad ke-15 dan 16M<sup>39</sup> tetapi juga negeri-negeri lain seperti Kerajaan Jawa, Bali, Sumatra, Kalimantan dan Kepulauan Indonesia. Namun begitu, beliau hanya membuat ulasan ringkas berkaitan dengan catatan tersebut dan menterjemahkan kembali catatan Cina ini kepada Bahasa Inggeris tanpa mengubah sebarang maksud atau ayat. Sehubungan itu, penulis dapat menjadikan karya ini sebagai rujukan dan melengkapkan kajian dengan sumber-sumber yang berkaitan dengan penyelidikan penulis. Penulisan buku ini juga tidak menyebut secara nyata berkenaan tempoh penempatan bangsa Cina di Melaka. Penulis menemui fakta mengenai kehadiran masyarakat Cina di Melaka bermula dari abad ke-15 hingga 20 melalui kajian yang dijalankan oleh Victor Purcell yang bertajuk **Chinese Settlement in Mallaca, 1947**.

---

<sup>39</sup>W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Mallaca Compiled from Chinese Sources*, (C.V. Bhratara: Jakarta, 1876), 177.

Kajian ini adalah berkaitan dengan perpindahan masyarakat Cina yang dikatakan telah berlaku sejak awal pemerintahan Dinasti Ming lagi. Beliau juga turut mengaitkan perpindahan tersebut dengan penemuan batu nisan yang bertarikh sekitar abad ke-15M di Bukit China, Melaka sewaktu hubungan erat di antara Kerajaan Melaka dan Dinasti Ming sedang berlangsung secara pesat.<sup>40</sup> Perkembangan masyarakat Cina di Melaka berterusan sehinggalah ke abad 19M apabila British berjaya menawan Melaka. Kajian beliau bermanfaat kerana penulis dapat menjadikan hasil kajian beliau sebagai platform untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan sejarah kehadiran masyarakat Cina di Melaka. Karya ini tidak menerangkan secara terperinci mengenai punca penghijrahan masyarakat Cina ke Melaka.

Maklumat berkenaan isu ini penulis dapati daripada catatan Portugis yang disusun oleh Armando Cortesao pada 1944M iaitu **The Suma Oriental of Tom Pires (1944M)** yang menyentuh tentang hubungan diplomatik yang berlaku di antara China dan Melaka antara faktor yang mengukuhkan hubungan dua hala ini. Melaka telah meminta perlindungan dari China agar dilindungi daripada serangan kuasa Siam.<sup>41</sup> Faktor penghijrahan yang seterusnya ialah aktiviti perdagangan yang berlaku di Melaka dan golongan yang pernah datang dan berdagang di negeri tersebut serta barangan yang dibawa ke Melaka untuk diperdagangkan seperti rempah-ratus, buah pala, cokmar, cendana, kayu gaharu, kasturi dan barangan seperti batik, mutiara, tikar dan bulu-bulu burung.<sup>42</sup> Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan fakta mengenai aspek pertukaran budaya yang berlaku di antara masyarakat Cina ke tempat migrasi mereka.

Karya **Sejarah Melayu** tulisan Tun Sri Lanang yang disempurnakan oleh **W.G Shellabear (1977M)** ada menyebut tentang hubungan diplomatik yang berlangsung di antara Melaka dan China apabila Melaka menerima ancaman daripada Siam dan

---

<sup>40</sup>Victor Purcell, *Chinese Settlement in Malacca*, 139.

<sup>41</sup>Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, (London: Haklyut Society, 1944), 137.

<sup>42</sup>*Ibid.*, 231.

hubungan diplomatik ini berlanjutan sehingga ke perkahwinan diraja. Fakta tersebut memberi pencerahan kepada penulis mengenai hubungan rasmi yang pernah berlaku diantara kedua buah negara iaitu yang membabitkan kehadiran Parameswara, Sultan Iskandar Shah dan Seri Maharaja ke China, serta utusan Puteri Hang Li Po ke Melaka.<sup>43</sup> Namun begitu, penulisan ini tidak menyebut secara terperinci berkenaan jumlah pendatang bangsa Cina ke Melaka melainkan jumlah pengikut Puteri Hang Li Po seramai lima ratus orang sewaktu meraikan majlis perkahwinan yang berlaku di antara puteri Cina ini dengan Sultan Muzaffar Shah dan sebagai hadiah perkahwinan kesemua pengikut puteri Cina ini ditempatkan di Bukit China sebagai tempat tinggal mereka.<sup>44</sup>

### **Tema Masjid**

Pada peringkat awal, kajian berkenaan seni bina masjid tradisi di Malaysia tidak banyak kerana pengkaji tempatan kurang memberi fokus kepada pengkajian masjid tradisi. Tumpuan kajian lebih diberikan kepada pembangunan masjid-masjid moden dan berkubah bawang. Namun begitu, kajian tentang isu ini menjadi lebih baik setelah mengalami beberapa peringkat fasa yang memperlihatkan perubahan daripada aspek kajian masjid di Nusantara. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan boleh dilihat berdasarkan beberapa tahap yang merangkumi tahun selepas kemerdekaan sehingga akhir tahun 1970, tahun 1980, tahun 1990 dan tahun 2000. Pada peringkat awal kekurangan berkenaan kajian seni bina masjid tradisional di Malaysia adalah disebabkan kemusnahan tinggalan warisan seni bina Islam oleh penjajahan Barat atas faktor ingin memusnahkan kekuatan Islam di rantau ini. Kajian mengenai seni bina masjid ini bertambah baik selepas Malaysia mencapai kemerdekaan kerana lahirnya ramai anak-anak tempatan yang menerima pendidikan tinggi terutamanya dalam bidang seni bina. Antara penulis yang memfokuskan kajian kepada seni bina masjid tradisional di Nusantara ialah Abdul Halim Nasir, Mohamad Tajudin Rasdi, Ezrin Arbi, Zulkifli

---

<sup>43</sup>W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, (Fajar Bakti: Kuala Lumpur, 1995), 95.

<sup>44</sup>*Ibid.*, 96.

Hanafi, Abdullah Mohamed dan Rusilawati Kamarudin. Selain itu, peranan Pusat Kajian Alam Bina dan Alam Melayu (KALAM) yang mendokumentasi kesemua seni bina masjid tradisi yang terdapat di Malaysia dan Melaka merupakan langkah yang baik bagi memastikan pemuliharaan seni bina ini dalam bentuk dokumen.

Dalam kajian ini penulis menjadikan penulisan karya yang menitikberatkan tentang pengkajian yang lebih berbentuk sejarah berbanding kaedah pembentukan seni bina bangunan kerana fokus penulis adalah untuk mengkaji berkenaan latar belakang sebuah pembangunan masjid sehingga berlaku asimilasi asing yang menjadi punca kepada berdirinya bangunan masjid yang mempunyai ciri menarik dan berbeza daripada masjid di dunia ini. Memandangkan tidak ada kajian khusus berkenaan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di tiga buah masjid kajian, penulis akan melengkapkan kajian ini dengan membincangkan isu ini bagi memperolehi jawapan kepada pembentukan kesenian asing di dalam masjid di Melaka.

Karya utama yang digunakan dalam kajian masjid tradisi di Malaysia dan Nusantara ini seperti karya Abdul Halim Nasir **Mosque Architecture in the Malay World oleh Abdul Halim Nasir (2004)**. Beliau ada menyentuh berkenaan sejarah pembinaan masjid daripada zaman Rasulullah s.a.w<sup>45</sup> sehinggalah masjid moden yang mendapat pengaruh dari Arab, Parsi dan India di Malaysia. Karya beliau memfokuskan kepada aspek-aspek seni bina masjid yang terdapat di Malaysia dan beberapa masjid di Nusantara serta kebiasaan binaan yang digunakan bagi membina rumah ibadat ini. Antara ulasan yang diberikan turut memberi gambaran awal akan seni bina masjid awal di Melaka dan Nusantara yang berbumbung meru.<sup>46</sup> Tulisan beliau juga ada menyebut secara umum faktor pengaruh dan ciri-ciri seni bina yang dibawa dari luar, oleh itu

---

<sup>45</sup>Abdul Halim Nasir, *Mosques Architecture in the Malay World*, (Bangi: UKM), 23.

<sup>46</sup>*Ibid.*, 37.

penulis akan menumpukan kepada pengaruh asing terutamanya motif dan ornamentasi Cina di dalam binaan masjid yang terdapat di Melaka.

Kesan seni bina asing di Melaka penulis temui dalam kertas kerja karya tulisan Ezrin Arbi iaitu **Pengaruh Senibina Asing di Malaysia (1971)** membincangkan tentang latar belakang perkembangan sejarah dan seni bina masjid di Melaka. Beliau turut membahaskan berkenaan seni bina asing yang meninggalkan kesan kepada pembangunan masjid di negeri itu. Antara pengaruh yang dinyatakan ialah China, Portugis, Belanda dan Inggeris. Beliau turut menyatakan bahawa masjid-masjid di negeri itu terutamanya Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkeri dan Masjid Kampung Hulu adalah di antara masjid yang mempunyai pengaruh seni bina Cina yang kuat dan di antara yang boleh dilihat ialah ukiran dan hiasan pada bangunan masjid.<sup>47</sup>

Walaupun, beliau menjelaskan hal tersebut berdasarkan kepada bukti sejarah dan oleh demikian penulis akan mengkaji secara mendalam berkenaan isu ini berdasarkan kepada bukti sejarah dan kajian lapangan bagi menjelaskan lagi kesan seni bina Cina, ukiran dan hiasan pada masjid terpilih di Melaka. Dalam kertas kerja tulisan beliau juga ada menyebut cara kemasukan pengaruh seni bina Cina ke dalam masjid-masjid ini yang tidak dapat dipastikan bagaimana dan berlaku dengan cara apa. Oleh demikian, penulis akan mengkaji kelompongan ini bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan yang menjadi faktor kepada kemasukan pengaruh seni bina Cina ke dalam masjid di Melaka.

Karya penulisan Allan Bruce iaitu **Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula (1996)** membincangkan tentang masjid-masjid yang dibangunkan di semenanjung Malaysia pada peringkat awal pembangunan masjid pada waktu itu. Beliau juga ada membincangkan tentang pembinaan masjid diraja pertama iaitu di

---

<sup>47</sup>Ezrin Arbi, "Pengaruh Senibina Asing di Malaysia" (makalah, Seminar Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Peringkat Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971), 1.

Melaka yang dibangunkan mengikut gaya dan reka bentuk Masjid Agung Demak. Dalam penulisan ini juga beliau membahaskan tentang Masjid Kampung Laut yang pertama dibangunkan di Malaysia tetapi pada hakikatnya masjid yang dibangunkan di Melaka adalah yang tertua di Malaysia. Beliau juga menjelaskan berkenaan pembangunan masjid di Melaka pada awal abad ke-15M dan reka bentuk yang dibangunkan pada waktu ini diteruskan sehingga ke abad 18M. Tukang yang bertanggungjawab dalam proses pembangunan masjid di Melaka pada tempoh ini ialah tukang dari China.<sup>48</sup> Proses perkembangan seni bina ini juga berlaku melalui aktiviti perdagangan yang berkembang pesat pada tempoh tersebut. Kajian beliau ini banyak membantu penulis untuk memahami tentang sejarah perkembangan seni bina masjid terawal di Malaysia. Namun demikian, kajian ini tidak menyentuh tentang kesan-kesan kesenian Cina yang terdapat pada masjid di Melaka. Oleh itu, penulis akan melihat kelompongan ini bagi melengkapkan keseluruhan kajian tentang pengaruh pertukangan Cina pada binaan masjid di Melaka.

### **Tema Motif Dan Ornamentasi**

Buku suntingan Martin Frishman dan Hassan Uddin Khan iaitu **The Mosque: History, Architectural Development and Regional Diversity** merupakan perincian kumpulan artikel jurnal berkenaan keseluruhan perkara yang berkaitan dengan masjid. Pengumpulan artikel yang melibatkan beberapa pengarang ini banyak memberikan kefahaman kepada penulis berkenaan seni bina masjid di seluruh dunia mengikut tempoh masa tertentu yang bermula daripada zaman Nabi Muhammad s.a.w sehingga terbangunnya masjid pada abad ke-21 hari ini. Buku ini juga memiliki beberapa artikel yang menyentuh secara terperinci berkenaan hiasan-hiasan yang kebiasaannya diaplikasikan di dalam masjid seperti hiasan kaligrafi dan geometri termasuklah peranan

---

<sup>48</sup> Bruce Allan, "Notes on Early Mosques of The Malaysian Peninsula," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 69 Part 2 no. 271, (1996), 71.

hiasan-hiasan tersebut yang banyak memberikan manfaat daripada aspek ketenangan rohani kepada individu muslim. Selain itu, terdapat juga perbincangan berkenaan ornamentasi yang digunakan di dalam masjid mengikut kesesuaian persekitaran sebuah negara yang mana setiap daripada dekorasi yang digunakan di dalam masjid adalah idea serta garapan daripada penduduk tempatan, tukang terlibat, sejarah dan agama yang akhirnya membentuk kesatuan yang menjadi rujukan oleh masyarakat muslim seluruh dunia untuk menghiasi masjid. Namun buku ini tidak mempunyai artikel yang mempunyai tulisan lengkap berkenaan hiasan yang berunsurkan tumbuhan.

Karya tulisan Abdul Rahman Hamzah iaitu **Islamic Inscription in Mosques: The Form and Meaning (2011)** banyak memberikan input berkenaan hiasan yang kebiasaannya terdapat di dalam masjid seperti hiasan kaligrafi. Penggunaan kaligrafi sebagai hiasan merupakan aspek utama yang dititikberatkan dalam dekorasi masjid kerana khat dapat memberikan ketenangan kepada tetamu masjid. Hiasan yang berkaitan dengan pengaplikasian khat disentuh dengan teliti yang mana jenis-jenis khat ini ditampilkan dalam bentuk ukiran batu, ukiran pada mozek dan ukiran pada kayu. Penulisan dalam karya ini juga turut menyentuh tentang dekorasi masjid mengikut jenis-jenis masjid yang terdapat di seluruh dunia. Selain itu, kesesuaian hiasan di dalam masjid ini juga dilihat daripada aspek syariah samaada hiasan tersebut bersesuaian dengan kehendak syara' dan konteks semasa. Namun begitu, buku ini hanya memperincikan berkenaan hiasan khat dan kaligrafi sahaja tanpa memberikan tumpuan kepada hiasan lain di dalam masjid.

Maklumat berkenaan isu ini penulis dapati daripada tulisan jurnal penulisan Abdel Wadood iaitu **The Floral and Geometrical Element on the Ottoman Architecture in Rhodes Island**. Karya tulisan dalam jurnal ini terperinci kerana mempunyai segala maklumat berkenaan dunia Islam termasuklah aspek seni bina Islam dan dekorasi hiasan yang dibenarkan dalam Islam. Penulis menjadikan jurnal ini

sebagai rujukan untuk mengetahui tentang aspek tumbuhan yang dibenarkan penggunaannya di dalam masjid antaranya ialah bunga tulip, rose, cypress dan bunga matahari. Selain itu, jurnal ini juga turut membincangkan tentang penggunaan arabes sebagai asas hiasan dalam Islam dan kesannya mengikut syara'. Penggunaan bulan sabit dan bintang pecah enam turut dinyatakan dalam jurnal ini serta asal usul penggunaan motif ini sebagai ornamen di dalam masjid.

Penulis menjadikan karya tulisan *C.A.S. William Chinese Symbolism and Art Motifs oleh C.A.S William (1974)* sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat di sebalik penggunaan setiap motif dalam kesenian Cina. Karya ini adalah berkenaan budaya masyarakat Cina yang disusun mengikut abjad. Penulisan beliau agak umum tetapi jelas dengan sekadar memaklumkan isu-isu yang penting sahaja dan tidak kesemua adat yang berkaitan masyarakat Cina ini disenaraikan dalam buku ini. Walau bagaimanapun, isi buku ini dapat digunakan penulis bagi memahami secara umum maksud dan falsafah bagi setiap jenis motif dalam kesenian Cina.

Bagi melengkapkan maklumat yang sedia ada berkenaan motif dan ornamentasi Cina, penulis merujuk karya tulisan Patricia Bjaaland Welch iaitu **Chinese Art: A Guide to Motifs and Visual Imagery (2008)** mempunyai input yang agak lengkap berkenaan makna bagi setiap motif dan ornamentasi yang dijadikan seni hiasan dalam kesenian Cina. Setiap motif yang terdapat di dalam sebuah kesenian pasti terdapat sebab dan punca penggunaannya. Penulis menjadikan karya ini sebagai rujukan bagi melengkapkan kajian berkenaan maksud motif dan penggunaannya dalam kesenian Cina. Walau bagaimanapun karya ini tidak memberi sebarang maklumat berkenaan pengaplikasian motif dan ornamentasi Cina di dalam binaan rumah orang Cina melainkan penjelasan secara jelas maksud disebalik motif berkenaan. Sehubungan dengan itu, penulis akan melengkapkan kajian ini dengan melihat jenis motif dan



ornamentasi Cina yang terdapat di dalam rumah ibadat Cina bagi melihat persamaan dengan masjid terpilih di Melaka.

Maklumat berkenaan isu ini menjadi lebih teratur dengan merujuk buku penulisan Kohl, David G iaitu **Chinese Architecture in the Straits Settlement and Western Malaya: Temples, Kongsis And Houses (1986)** adalah suatu karya yang menyentuh tentang peranan masyarakat Cina dalam menyumbangkan usaha untuk mereka bentuk bangunan-bangunan di tiga negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Jenis dan bentuk seni bina Cina diperincikan di dalam buku beliau termasuklah seni bina dalam pembangunan rumah-rumah masyarakat Baba dan Nyonya. Beliau juga turut membincangkan tentang motif-motif Cina secara umum namun tidak secara lengkap pada bahagian bangunan tradisional Cina. Beliau tidak menyentuh tentang seni bina masjid tetapi sekadar memaklumkan tentang kesan seni bina Cina terhadap reka bentuk masjid di Melaka secara umum.<sup>49</sup> Rujukan terhadap kertas kerja prosiding **Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 di Melaka (2011)** hasil tulisan Ros Mahwati Ahmad Zakaria membantu penulis untuk memahami berkenaan motif yang terdapat dalam masjid yang dibincangkan. Kajian beliau menampilkan berkenaan keseluruhan jenis motif yang terdapat di dalam tiga buah masjid tertua di Melaka iaitu Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker. Motif yang dibincangkan merangkumi motif budaya iaitu Eropah, Melayu, China seterusnya motif agama iaitu Kristian, Islam dan Buddha.<sup>50</sup>

Sumber ini memberi pencerahan kepada penulis berkenaan motif yang terdapat di dalam tiga buah masjid. Namun begitu, penulisan berkenaan motif Cina agak ringkas dan tidak semua jenis motif dilampirkan secara keseluruhan hanya sebilangan sahaja

---

<sup>49</sup>Kohl, David G, "Malaysia's Architectural Heritage: Identification Appreciation and Preservation" (makalah, International Conference on Urban Conservation & Planning, 23-24 Jun 1986), 82.

<sup>50</sup>Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Nik Hassan Shuhaimi, "Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 Di Melaka" (makalah, World Congress For Islamic History And Civilization, Peringkat Antarabangsa, 10-11 Oktober 2011), 82.

yang diutarakan. Hal ini kerana beliau telah mengupas kesemua jenis pengaruh seni bina asing yang terdapat di dalam masjid dan disebabkan itu beliau tidak dapat mengkhususkan secara mendalam berkenaan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di masjid kajian. Sehubungan itu, penulis membuat kajian secara terperinci setiap jenis motif Cina mengikut kategori yang terdapat di dalam masjid kajian dan mengulas secara mendalam maksud dan falsafah disebalik setiap motif berkenaan.

## **1.11 Metodologi Penyelidikan**

Bagi mendapatkan hasil yang terbaik dalam penyelidikan berserta fakta-fakta yang benar, kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan beberapa teknik penyelidikan yang menjadi teras kepada kajian ilmiah iaitu *metod pengumpulan data* dan *metod analisis data*.

### **1.11.1 Metod Pengumpulan Data**

Metod pengumpulan data membawa erti beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian penulis.<sup>51</sup> Data yang baik adalah data yang lengkap, benar dan tidak mempunyai sebarang penipuan dan mempunyai bukti bagi setiap apa yang dibawa serta relevan, jelas dan tersusun. Ianya juga boleh diguna pakai secara meluas untuk kajian berikutnya. Data yang diperoleh juga membantu penulis secara terus menjawab persoalan yang dibangkitkan dalam penyelidikan.<sup>52</sup> Penulis menggunakan metod dan kajian seperti berikut:

#### **a) Metod Historis**

Metod historis merupakan satu kaedah yang mana seorang penyelidik akan mendapatkan data, maklumat dan bukti melalui pengamatan ke atas kajian-kajian yang

---

<sup>51</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, (Kamil&Syakir: Selangor, 2009), 94.

<sup>52</sup>Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 32.

berbentuk dokumen dan rekod.<sup>53</sup> Kajian yang penulis lakukan dalam bab II adalah untuk melihat data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah terutamanya yang berkaitan dengan sejarah perkembangan masyarakat Cina di Melaka. Selain itu, penulis tidak ketinggalan untuk meneliti hubungan yang pernah berlaku di antara China dan Kesultanan Melayu Melaka serta faktor pertebaran masyarakat Cina di negeri tersebut. Kajian ini amat penting bagi melihat proses penganalisaan terhadap latar belakang sejarah pembentukan masyarakat Cina di Melaka. Selain itu, penulis turut memperolehi maklumat berkenaan kemasukan dan sejarah perkembangan pertukangan Cina di Melaka dan sumbangan mereka dalam memperkenalkan reka bentuk Cina ke Melaka.

Secara keseluruhan, penyelidikan historis membantu penulis mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan proses pembentukan masyarakat Cina di Melaka dan faktor-faktor kewujudan mereka di negeri itu beserta kemasukan pertukangan Cina ke negeri itu. Bagi melengkapkan kajian bab seterusnya iaitu III, IV dan V penulis telah melawat ke lokasi masjid-masjid terpilih yang menjadi sampel kajian. Penulis telah ke Melaka bagi mendapatkan jawapan terhadap penyelidikan yang dilakukan.

#### **b) Kajian Perpustakaan**

Bagi melengkapkan data kajian, penulis menggunakan metod perpustakaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini. Antara perpustakaan yang digunakan ialah perpustakaan yang terdapat di Universiti Malaya iaitu *Perpustakaan Utama* yang mempunyai rujukan berkenaan sejarah negeri Melaka, kehadiran masyarakat Cina di Asia Tenggara dan Nusantara serta kebudayaan masyarakat Cina yang dilihat mempunyai kaitan rapat dengan seni bina pengaruh Cina. *Perpustakaan Peringatan Zaaba* mempunyai banyak rujukan daripada artikel, jurnal dan kertas persidangan berkenaan latar belakang Melaka dan seni budaya masyarakat Cina.

---

<sup>53</sup>Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, Edisi Kedua, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 47.

*Perpustakaan Alam Bina* mempunyai rujukan berkenaan kertas kerja dan lukisan yang didokumentasikan oleh pelajar-pelajar jurusan seni bina seperti bangunan bersejarah, masjid tertua dan masjid yang terkenal di Malaysia. Melalui perpustakaan yang terdapat di dalam Universiti Malaya ini penulis telah mendapat bahan-bahan bagi melengkapkan bab II penulis.

Penulis juga menggunakan bahan-bahan dari perpustakaan di luar Universiti Malaya iaitu *Perpustakaan Negara Kuala Lumpur* yang mempunyai banyak simpanan koleksi John Bastin yang menyentuh berkenaan sejarah Melaka dari awal kewujudan negeri tersebut sehinggalah kejatuhan Melaka dan kewujudan masyarakat Cina di Melaka dalam membantu proses ekonomi dan pembangunan. Antara penulisan yang disimpan sebagai koleksi John Bastin ialah *Chinese in Mallaca, Chinese Settlement in Mallaca, The Opening Relations Between China and Mallaca 1403-1405* dan *The Chinese of Mallaca*. *Perpustakaan Negeri Melaka* juga memiliki maklumat berkenaan sejarah negeri Melaka. *Perpustakaan mini Institut Kajian Sejarah dan Patriotik Malaysia* (IKSEP) mempunyai artikel-artikel dan jurnal yang diperolehi hasil daripada persidangan yang dijalankan oleh pihak IKSEP yang menyentuh berkenaan segala isu yang melibatkan sejarah Melaka dan unsur-unsur seni bina asing di Melaka. Selain itu bagi melengkapkan kajian, penulis telah mendapatkan maklumat di beberapa perpustakaan dari universiti lain seperti Pusat Kajian Alam Bina dan Alam Melayu (KALAM) yang mengandungi maklumat berkenaan lukisan terukir ketiga buah masjid kajian. Penulis juga mendapatkan maklumat dari *Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia* (UKM), *Institut Alam dan Tamadun Melayu* (ATMA) dan *Perpustakaan Universiti Sains Malaysia* (USM).

### **1.11.2 Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan lapangan digunakan bagi mendapatkan maklumat terpilih tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan subjek penyelidikan penulis. Metode lapangan

ini merupakan mekanisme utama penyelidikan ini. Beberapa kaedah yang digunakan oleh penulis melalui penyelidikan lapangan ini iaitu:

#### **a) Metod Wawancara**

Metod wawancara atau temubual adalah proses untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada informer dengan bercakap secara berhadapan muka dengan informer yang terbabit.<sup>54</sup> Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual tamatik, atau temu bual tanpa struktur, temu bual separa-berstruktur dan temu bual berstruktur.<sup>55</sup> Penulis memilih untuk menjalankan temu bual separa berstruktur kerana mahukan kebebasan terhadap informer bagi memberikan maklumat tanpa sebarang halangan yang menghadkan beliau menyampaikan data sesuatu peristiwa. Dalam hal ini, penulis mendapatkan keterangan daripada tokoh-tokoh yang mahir dalam bidang tersendiri bagi mendapatkan respon yang diinginkan. Antara tokoh yang telah diwawancara ialah;

- i. Dr. Abdullah Yusof<sup>56</sup>
- ii. Dr. Suhaila Abdullah<sup>57</sup>
- iii. Puan Ros Mahwati Ahmad Zakaria<sup>58</sup>

Selain itu, penulis juga akan melakukan wawancara yang bersifat terbuka bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan penulis. Pemilihan penemu bual juga perlu mengikut beberapa kriteria yang telah digariskan supaya maklumat yang diperolehi tidak dikira sebagai plasu atau tidak benar. Hal ini adalah untuk memastikan gambaran yang diterima adalah benar serta bersesuaian dengan keadaan sebenar masjid tersebut dibangunkan. Antara yang ditemu bual adalah

---

<sup>54</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, (Kamil&Syakir: Selangor, 2009), 71.

<sup>55</sup>*Ibid.*

<sup>56</sup>Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Memiliki kepakaran dalam bidang seni warisan Islam, seni tradisi Islam dan kesenian Melayu Islam.

<sup>57</sup>Merupakan pensyarah kanan di School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau menjurus kepada masyarakat Cina peranakan di Melaka, keagamaan dan kepercayaan dan sosiobudaya masyarakat Cina di Melaka.

<sup>58</sup>Merupakan Pegawai di Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur. Kertas kerja prosiding beliau berkenaan Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 di Melaka.

imam-imam masjid, penduduk setempat serta warga emas yang mengetahui sejarah dan latar belakang masjid dan kawasan yang dihuni atau lebih tepat lagi penggemar sejarah yang mempunyai pengetahuan berkenaan masjid kajian.

1. Tuan Haji Abdullah Hashim<sup>59</sup>
2. Haji Ismail Ishak<sup>60</sup>
3. Ustaz Abdul Karim Hamidi<sup>61</sup>
4. Encik Abdul Rahman Hadi<sup>62</sup>
5. Louis Lim<sup>63</sup>
6. Tan Sie Meng<sup>64</sup>
7. Pai Sek<sup>65</sup>
8. Ishak Wong<sup>66</sup>
9. Sheryl Tan<sup>67</sup>

#### **b) Metod Persampelan**

Metod Persampelan ialah salah satu kaedah yang memberikan satu cara untuk penyelidik mendapatkan sampel yang mempunyai ciri-ciri kewakilan (representativeness).<sup>68</sup> Hasil yang diperolehi daripada kajian itu akan dianalisis secara

---

<sup>59</sup>Merupakan imam Masjid Kampung Hulu yang telah menetap di Melaka sejak daripada lahir serta melihat perkembangan masjid tersebut. Bapanya merupakan bekas imam Masjid Kampung Hulu pada tahun 1953.

<sup>60</sup>Imam Masjid Kampung Keling selama 10 tahun dan telah bermastautin selama 45 tahun di negeri tersebut

<sup>61</sup>Imam Masjid Tengkeri selama 5 tahun dan telah berkhidmat sebagai bilal di masjid ini selama 15 tahun sebelum dilantik menjadi imam.

<sup>62</sup>Merupakan pegawai di Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM). Beliau telah membantu penulis dengan menerangkan berkenaan sejarah masjid dan warisan tinggalan masjid di Melaka.

<sup>63</sup>Merupakan penduduk Cina Baba dan Nyonya di Melaka dan mewarisi warisan nenek moyangnya. Beliau pernah membuat persamaan ringkas mimbar di Masjid Kampung Hulu dengan *kion teng* atau tandu yang digunakan masyarakat Baba Nyonya bagi mengusung pengantin.

<sup>64</sup>Merupakan sami di Tokong Bukit China Melaka, penulis menemubual beliau berkenaan persamaan motif Cina yang terdapat di masjid kajian dan tokong Cina.

<sup>65</sup>Beliau merupakan seorang muallaf yang telah memeluk Islam hampir 40 tahun dan merupakan jemaah tetap di Masjid Kampung Hulu selama 15 tahun. Merupakan bekas sahabat kepada saudara Datuk Shamsuddin yang telah meninggal dunia.

<sup>66</sup>Beliau adalah imam sementara Masjid Haopan, China dan merupakan warganegara China yang menetap di Guangzhou. Pelajar Ijazah Sarjana Muda jurusan Syariah dari Universiti al-Azhar. Ketika penulis menemui beliau baru sahaja menamatkan pengajian dan berhasrat melanjutkan pengajian di Malaysia.

<sup>67</sup>Merupakan pegawai muzium yang berkhidmat di Muzium Cheng Ho

<sup>68</sup>Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Selangor: Prentice Hall, 2005), 91.

statistik. Penulis akan menggunakan kaedah ini bagi membuat pilihan masjid-masjid di Melaka. Pemilihan Melaka sebagai lokasi kajian adalah kerana Melaka merupakan negeri pertama yang menerima pengaruh seni bina Cina bahkan bangunan yang berunsurkan Cina juga pertama kalinya dibina di negeri tersebut dan kemudian barulah diikuti negeri-negeri yang lain.<sup>69</sup> Masjid-masjid sekitar tahun 1728M-1748M yang terdapat di Melaka juga adalah antara masjid tertua yang dibangunkan di Malaysia yang menerima pengaruh Cina. Oleh itu, penulis memilih Melaka sebagai lokasi kajian bagi mengkaji tinggalan motif dan ornamentasi Cina yang telah berusia hampir ratusan tahun di dalam masjid. Sebanyak 17 buah masjid penulis lawati bagi menilai sejauhmanakah pengaplikasian motif dan ornamentasi Cina itu dapat dilihat di dalam dan luar masjid. Penulis membahagikan masjid yang diziarahi ini kepada dua fasa pemerintahan iaitu Belanda (1641M-1824M) dan Inggeris (1824M-1957M).

Masjid yang dibangunkan bawah jajahan Belanda antaranya ialah, Masjid Kampung Keling (1748M), Masjid Kampung Hulu (1728M), Masjid Tengker (1728M), Masjid Pengkalan Rama (1730M), Masjid Peringgit (1720M). Manakala masjid yang dibangunkan di bawah jajahan Inggeris ialah Masjid Bukit Cina (1865M), Masjid Bukit Piatu (1880M), Masjid Limbongan (1880M), Masjid Kampung Alai (1890M), Masjid Kampung Duyong (1850M), Masjid Pernu (1880M), Masjid Tambak (1880M), Masjid Tanjung Keling (1830M), Masjid Umbai (1854M), Masjid Pokok Asam (1890M), Masjid Sempang (1857M) dan Masjid Bakar Batu (1890M). Berdasarkan pemerhatian dan lawatan yang berpanjangan penulis mendapati masjid yang dibangunkan di bawah jajahan Belanda ini mempunyai motif dan ornamentasi Cina tetapi masjid yang menguasai secara keseluruhan motif dan ornamentasi ini hanya tiga buah masjid sahaja iaitu Masjid Kampung Hulu, Masjid Tengker dan Masjid Kampung Keling. Manakala Masjid Peringgit dan Masjid Pengkalan Rama juga

---

<sup>69</sup>Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, (Comperative Asian Study: Hong Kong, 1978), 117.

terdapat motif kesenian Cina tetapi tidak besar jumlahnya disebabkan proses renovasi yang besar berlaku dan hampir sebahagian struktur di dalam masjid ini diubah dan digantikan dengan yang baru.

Melihat kepada masjid yang dibangunkan sewaktu pemerintahan Inggeris masjid-masjid ini tidak memiliki motif dan ornamentasi Cina melainkan beberapa buah masjid yang mempunyai dua, tiga atau empat jenis motif Cina yang boleh dilihat di bahagian mimbar, menara dan siling masjid sahaja. Oleh itu, penulis memutuskan untuk mengambil hanya tiga buah masjid sahaja sebagai sampel memandangkan tiga masjid ini memiliki jumlah motif dan ornamentasi Cina terbanyak berbanding masjid lain sekaligus pemilihan tiga masjid ini mewakili masjid lain.

Bagi menyempurnakan kajian ini, tiga buah masjid yang dibina sewaktu jajahan Belanda dan mempunyai usia tua telah dipilih sebagai sampel kajian. Masjid-masjid yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

- a. Masjid Kampung Hulu (1728)
- b. Masjid Kampung Keling (1748)
- c. Masjid Tengker (1728)

Terdapat beberapa faktor yang menjadi sebab kepada pemilihan tiga buah masjid ini sebagai sampel kajian. Pertama, sampel kajian dipilih berdasarkan tempoh masa yang mana masjid dalam kajian ini dibangunkan sewaktu Melaka berada di bawah jajahan Belanda (1641M-1824M). Berdasarkan kepada durasi ini, tiga masjid ini menjadi monumen masjid tertua yang terdapat di Melaka dan dibina atas arahan pihak Belanda. Dalam tempoh ini tukang dari Cina telah dijemput bagi mengetuai proses pembangunan di Melaka. Sehubungan itu, penglibatan tukang ini turut menyumbangkan proses kesenian asing di dalam masjid terpilih termasuklah kesenian Cina.



Kedua, lokasi masjid kajian yang berhampiran dengan kawasan pentadbiran iaitu kawasan tanah di sebelah kanan sungai Melaka yang dihubungkan dengan jambatan ke kawasan pentadbiran kerajaan Belanda dan lokasi yang bermula dari Jonker Walk hingga ke kawasan Tengkeru merupakan kawasan yang didiami oleh golongan pedagang yang terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Eropah, China dan India termasuklah masyarakat Melayu adalah minoriti yang mempunyai kedudukan dalam bidang pentadbiran Belanda. Masjid yang paling hampir dengan lokasi ini adalah Masjid Kampung Keling, Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengkeru. Daerah Melaka Tengah pernah menjadi pusat tumpuan seluruh masyarakat dunia untuk menjalani aktiviti perdagangan dan pusat pemerintahan penjajah pada satu masa dahulu. Oleh itu, pembinaan masjid di bahagian daerah Melaka Tengah ini menjadi pusat tumpuan seluruh masyarakat Islam dari seantero dunia. Memandangkan lokasi masjid yang menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia monumen ini pasti memperlihatkan ciri yang berbeza dan unik bagi menjaga status pemerintah pada waktu itu.

Pemerintah akan memastikan pembangunan yang berada di bawah taklukannya dijaga dengan rapi bagi memperlihatkan kepada masyarakat tempatan dan asing kehebatan pemerintahannya. Sehubungan itu, masjid-masjid dan rumah-rumah ibadat di bahagian Melaka Tengah dibina dan dihias dengan cantik selaras dengan niat pemerintah yang ingin menonjolkan kekuasaan serta pembaharuan kerajaan sepanjang tempoh pemerintahan. Melihat kepada sampel tiga buah masjid terpilih ini dihias dengan penuh keunikan hiasan motif dan ornamentasi. Terdapat pelbagai gabungan hiasan motif dari Eropah, China, Sumatera dan Melayu. Sepanjang pemerhatian penulis setelah melawat hampir 17 buah masjid di tiga buah daerah di Melaka, masjid kajian paling banyak hiasan motif dan ornamentasi Cina serta mempunyai keunikan yang tersendiri. Perbezaan besar jelas ketara boleh dilihat di masjid kajian dan masjid lain sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam masjid berkenaan.

Ketiga, masjid kajian ini diwartakan sebagai Akta Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara bawah Kementerian Pembangunan Komunikasi dan Kebudayaan. Menurut Abdul Rahman Hadi, masjid-masjid ini sentiasa dijaga dan dipelihara dengan baik agar warisan seni binanya tidak pudar dek zaman. Masjid-masjid ini juga telah menerima peruntukan yang banyak bagi membaik pulih sebarang kerosakan yang terdapat di dalam masjid.<sup>70</sup> Oleh itu, penulis memilih tiga buah masjid ini sebagai sampel kajian kerana yakin akan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dititikberatkan oleh Jabatan Warisan Negara bagi menjaga keaslian dalam dan luaran masjid ini. Dengan pemerhatian khusus dan rapi ini penulis yakin keunikan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di dalam masjid kajian khususnya tidak diubah atau dihapuskan melainkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan seperti bencana alam dan proses pembesaran ruang solat bagi menampung jumlah jemaah yang sentiasa bertambah. Oleh itu, proses pemerhatian yang dilakukan lebih memudahkan penulis dan tidak timbul perasaan ragu-ragu terhadap keaslian barang, komponen dan ukiran yang terdapat di dalam masjid kajian.

### c) **Metod Pemerhatian**

Metod ini merupakan kaedah yang melibatkan proses pemerhatian terhadap sesuatu subjek kajian yang telah dikenalpasti berdasarkan kepada satu perancangan yang teliti.<sup>71</sup> Dalam kajian penulis, metod ini merupakan kaedah yang sangat penting kerana penulis perlu melihat, meneliti, memerhati dan menilai motif dan ornamentasi Cina yang terdapat diketiga-tiga buah masjid kajian. Proses mengumpul data menggunakan kaedah ini mengambil masa yang agak panjang dan fokus yang besar kerana penilaian yang dibuat merupakan keputusan untuk menganalisis data. Bagi memastikan proses menganalisis data tepat dan tidak terganggu, penulis telah melawat

---

<sup>70</sup>Encik Abdul Rahman Hadi (Pegawai di Perbadanan Muzium Negeri Melaka) dalam temubual bersama penulis, 15 Oktober 2012

<sup>71</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, 74.

tapak kajian sebanyak sembilan kali dalam tempoh tiga tahun. Penulis telah mengambil gambar menggunakan tiga jenis kamera iaitu Casio100, Fujifilm dan Nikon D5200. Oleh itu, kesemua gambar yang dilampirkan di dalam kajian ini adalah hak mutlak penulis melainkan yang disebut sumbernya.

Bagi menjayakan proses pengumpulan data mengikut kaedah ini penulis telah menetap di Melaka dalam beberapa tempoh bagi melihat motif-motif ini pada waktu dan cuaca yang berbeza untuk meneliti bentuk dan fungsi setiap daripada jenis motif ini. Penulis juga telah melawat lima buah tokong Cina tertua di Melaka bagi memastikan persamaan motif yang terdapat di masjid kajian dan tokong ini adalah serupa agar tidak timbul kekeliruan atau keraguan dalam proses menganalisis data.<sup>72</sup>

### **1.11.3 Kaedah Analisis Data**

Dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah pengolahan data yang berbentuk kualitatif sebagai metod utama dalam menganalisis data. Metod analisis data ialah satu analisis terhadap fakta-fakta yang telah dikumpulkan oleh penulis. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan teliti bagi mendapatkan jawapan yang asli dan benar. Setelah data-data dikumpulkan, penulis menggunakan beberapa metod untuk menganalisis data tersebut. Antara metod-metod yang digunakan ialah induktif, deduktif dan metod komparatif.

#### **a) Metod Induktif**

Metod induktif digunakan untuk menghasilkan data melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian dari yang bersifat khusus kepada umum. Penulis menggunakan metod ini untuk menghuraikan dengan lebih jelas data-data yang khusus agar maklumat yang disampaikan lebih jelas dan kesimpulan yang dihasilkan berbentuk umum. Penulis mengaplikasikan metod ini dalam bab II kajian. Dalam bab tersebut

---

<sup>72</sup>Sila lihat lampiran A iaitu jadual berkenaan tempoh pemerhatian yang dilakukan penulis untuk mendapatkan data

penulis menilai kedatangan masyarakat Cina ke Melaka, jalinan hubungan di antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan China sehingga membawa pertukaran seni budaya di antara institusi tertentu. Lanjutan daripada penjajahan Barat ke atas Melaka turut meninggalkan kesan terhadap proses asimilasi yang melibatkan kebudayaan asing dan boleh dilihat terhadap institusi masjid di Melaka. Selain itu, penulis juga menggunakan metod ini untuk melihat proses campuran daripada pengaruh asing termasuklah unsur Cina yang terdapat pada struktur bangunannya.

#### **b) Metod Deduktif**

Kaedah ini melibatkan proses penghuraian dari hal-hal yang bersifat umum kepada khusus. Penulis telah menggunakan kaedah ini untuk menghasilkan pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum bagi hal-hal yang khusus. Kedua-dua data ini digunakan oleh penulis dalam mencari jawapan kepada persamaan dan kaitan antara data-data yang dikumpul. Berdasarkan penemuan yang diperolehi, penulis mengaplikasikan metod ini secara khusus dalam bab III dan IV. Dalam bab ini penulis telah memperincikan dan memfokuskan kepada motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di dalam masjid kajian. Penulis mengklasifikasikan segala bentuk dan jenis motif dan ornamentasi Cina yang diperolehi berdasarkan pemerhatian melalui komponen yang mempunyai motif ini. Melalui metod ini juga, penulis berjaya mengenalpasti motif dan ornamentasi mengikut unsur-unsur tertentu dan berkait rapat dengan falsafah Cina. Setiap motif yang terdapat pada komponen-komponen masjid ini juga dapat dilihat fungsi pengaplikasiannya pada komponen bangunan.

#### **c) Metod Komperatif**

Metod komperatif merupakan perbandingan yang dilakukan bagi melihat persamaan atau perbezaan terhadap sesuatu data yang diperolehi semasa melakukan

kajian dan penelitian.<sup>73</sup> Penulis menggunakan metod ini pada bab ke 1V bagi melihat persamaan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat pada tiga buah masjid kajian. Perbezaan juga akan dinilai bagi ketiga masjid kajian bagi mendapatkan hasil kajian utama yang mendominasi motif dan ornamentasi Cina sebagai hiasan masjid. Melalui metod ini juga penulis akan membandingkan jumlah keseluruhan motif dan ornamentasi Cina pada tiga buah masjid kajian bagi melihat masjid yang mendominasi jumlah motif yang terbesar. Metod ini juga membantu penulis untuk melihat dengan lebih teliti berkenaan persamaan motif daripada aspek bentuk, fungsi dan penggunaannya ditiga masjid ini.

---

<sup>73</sup>Gerald S. Ferman dan Jade Levin, *Social Sciences Research*, (United States of America: John Wisley & SFFons, 1975), 79.